



DR ZAINUL ARIFF mencuba traktor Belangtara 2002 Putra Puller yang dipamerkan, sambil diperhatikan Dr Azmi (dari kiri), Dr Radin Umar dan Dr Abdul Rashid. - Gambar oleh Rosela Ismail

18 SEPTEMBER 2004  
- BERITA HARIAN -

28

# 3,141 graduan UPM terima ijazah, diploma

SERAMAI 3,141 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-28 (Sidang Ketiga) di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Serdang, mulai hari ini hingga 20 September ini.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat, Siti Rozana Supian, berkata daripada jumlah itu, 43 menerima ijazah doktor falsafah, diikuti master, iaitu sains (319), pentadbiran perniagaan (60), pengurusan (41), alam sekitar (23), ekonomi (22), sastera (14), perubatan veterinar (tiga) dan masing-masing satu sains pertanian dan sains veterinar.

Bagi program bachelour katanya, Bachelour Sains Keupujian mencatat bilangan graduan tertinggi, iaitu 287 orang, diikuti sains komputer (136) dan sains dengan pendidikan keupujian (103).

Beliau berkata, penganugerahan kali ini juga membabitkan 1,142 graduan Pendidikan Jarak Jauh kendalian Institut Pendidikan Jarak Jauh, UPM.

Jumlah itu katanya, meliputi 341 Bachelour Sains Pembangunan Sumber, Bachelour Komunikasi (281), Bachelour Pendidikan Bahasa Inggeris Bahasa Kedua (170), Bachelour Sains Pembangunan Manusia (128), Bachelour Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling (43), Bachelour Sastera Bahasa dan Linguistik Melayu (26),

Bachelour Sains Komputer (25), Bachelour Pentadbiran Perniagaan (19), Bachelour Sains dengan Pendidikan Keupujian (12) dan Bachelour Sastera Bahasa Inggeris (10).

"Konvokesyen kali ini juga menganugerahkan 131 graduan sulung Program Eksekutif Bachelour Pentadbiran Perniagaan dan 48 lagi Bachelour Ekonomi," katanya.

Siti Rozana berkata, seramai 34 menerima Diploma Kejuruteraan Kecemasan & Keselamatan, diikuti sembilan Diploma Pembangunan Manusia, tujuh Diploma Pengurusan Perladangan Makanan, lima Diploma Pertanian, dua Diploma Sains Komputer dan seorang Diploma Kesihatan Haiwan dan Penternakan.

Beliau berkata, penganugerahan ijazah dan diploma itu disempurnakan Tuanku Canselor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada sesi pertama, diikuti Pro-Canselor, Tan Sri Thong Yaw Hong (kedua dan ketiga) dan Pro-Canselor, Tan Sri Dr Nayan Arifin (keempat dan kelima).

Orang ramai boleh menyaksikan majlis konvokesyen itu secara langsung menerusi internet dengan melayari laman web [www.live.upm.edu.my](http://www.live.upm.edu.my).

Sempena majlis itu, Pesta Konvokesyen bertema 'UPM Penggerak Wawasan Pertanian' selaras dengan usaha memperkukuh komitmen universiti itu dalam menerajui pen-

didikan pertanian negara diadakan di Bukit Ekspo, Serdang, mulai semalam hingga 21 September ini.

Sembilan fakulti dan institut penyelidikan di UPM, Mardi Serdang, Risa Selangor, Jabatan Pertanian Ulu Langat, Jabatan Pertanian Kuala Langat dan Sepang serta usahawan tani turut menandatangani pameran.

Pesta lima hari itu dirasmikan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dr Zainul Ariff Hussain, semalam.

Turut hadir, Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie; Dekan Penyelidikan, Prof Dr Radin Umar Radin Sohadie; Timbalan Dekan Penyelidikan, Prof Madya Dr Azmi Yahya dan Ketua Jabatan Kejuruteraan Biologi Pertanian, Prof Madya Dr Abdul Rashid Mohamed Shariff.

**TERRASU**

**So Math (dal**

Berita **Sci Year**

**MUDAH**